

Seminar SKETMA pemangkin budaya inovasi, aplikasi IR 4.0

UB 30.08.2023 P.06

KOTA KINABALU: Seminar Kebangsaan Teknologi Makmal (SKETMA) ke-15 yang dianjurkan di Universiti Malaysia Sabah (UMS) mampu menjadi pemangkin budaya kerja inovasi dan aplikasi kepada Revolusi Industri (IR) 4.0 dalam kalangan kakitangan pengurusan makmal di universiti awam.

Pendaftar UMS, Luqman Ridha Anwar, berkata seminar yang mengangkat tema 'Inovasi dan Revolusi Industri (IR) 4.0 Pemangkin Budaya Kerja Kakitangan Makmal' itu menghimpunkan kakitangan pengurusan makmal di pelbagai universiti untuk membina

sangan serta bertukar idea berkaitan tema seminar.

"Objektif seminar untuk menyerlahkan potensi diri kakitangan dari segi kompetensi dan pengalaman dalam mewujudkan pangkalan data teknologi makmal terkini.

"Aplikasi IR 4.0 sangat relevan dengan keperluan semasa pengurusan dan operasi makmal yang memerlukan inovasi dan kreativiti dalam pelaksanaannya.

"Ini juga dapat meningkatkan mutu dan kecekapan perkhidmatan makmal, sama ada dalam penyelidikan atau pengajaran," katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan seminar tersebut di Auditorium

Sekafi, Galeri Azman Hashim UMS, pagi tadi.

Luqman berkata perkongsian seminar tiga hari itu membantu kumpulan pegawai sains meningkatkan inovasi dalam pengurusan makmal agar dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.

"Diharap semua peserta seminar dapat kembali ke universiti masing-masing dan membawa cadangan inovasi lebih baik untuk dilaksanakan," katanya.

Lebih 50 kakitangan pengurusan makmal dari pelbagai universiti menyertai seminar itu.

Antaranya peserta dari UMS, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Univer-

siti Putra Malaysia (UPM) Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM), dan Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA).

Turut hadir Ketua Bahagian Kepimpinan dan Pembangunan Bakat (BKePT) UMS, Kamisah Husin; Timbalan Ketua Pegawai Sains Kanan di Institut Penyelidikan Marin Borneo UMS, Motinius Guntalib; Timbalan Ketua Pegawai Sains Kanan di Institut Biologi Tropika dan Pemuliharaan UMS, Ahmad Sudin; dan Presiden Majlis Gabungan Penolong Pegawai Sains, Abdul Latip Haji Dris.



ALBUM: Luqman merakamkan gambar bersama para peserta seminar.